

KL tuan rumah Pameran Seabad Hadiah Nobel 2004

UM 18 SEP 2003

KUALA LUMPUR 17 Sept. — Para saintis negara berpeluang menilai dan menyaksikan pencapaian para pemenang Hadiah Nobel antarabangsa dalam pelbagai bidang apabila Kuala Lumpur menjadi tuan rumah Pameran Seabad Hadiah Nobel, tahun depan.

Pengarah Eksekutif Akademi Sains Malaysia, Datuk Dr. Samsudin Tugiman berkata, peluang keemasan dalam pameran dari 20 Mac hingga 27 Jun itu mungkin mampu mendorong mereka untuk mencipta nama sebagai pemenangnya pada masa akan datang.

"Ia sejajar dengan cabaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 1998 untuk melihat Malaysia melahirkan saintis yang unggul dan mampu memenangi Hadiah Nobel yang berprestij itu," katanya.

Beliau berkata, Malaysia merupakan satu-satunya

negara di rantau Asia Tenggara yang diberi hak menganjurkan pameran yang bertemakan 'Budaya Kreativiti: Individu dan Persekitaran' di Pusat Sains Negara (NSC), Bukit Kiara itu.

"Ia merupakan satu pameran berprestij dengan mengundang beberapa tokoh pemenang hadiah berkenaan termasuk Pengarah Muzium dan Yayasan Nobalnya, Prof. Soloman dan Prof. Lindquist" katanya di pejabat akademi di sini, hari ini.

Menurut Dr. Samsudin, pameran itu dijangka mengundang salah seorang tokoh saintis terkenal yang beragama Islam dari Mesir, Prof. Dr. Ahmad Zwaill yang pernah memenangi Hadiah Nobel 2000 dalam bidang sains kimia.

"Beliau merupakan saintis yang memulakan penemuan kimia fento iaitu satu bidang yang mengkaji reaksi molekul yang turut mam-

pu memberikan kesan kepada ilmu sains lain terutamanya perubahan," katanya.

Beliau berkata, akademi turut mendapatkan bantuan Akademi Sains Diraja Sweden yang memilih para pemenang hadiah ini, dalam membawa beberapa lagi tokoh saintis sempena pameran yang menelan belanja hampir RM4 juta ini.

Menurut Samsudin, turut menjadi penganjur pameran ini ialah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan NSC di samping Yayasan serta Muzium Nobel dari Stockholm, Sweden.

"Kami menjangkakan 500,000 orang mengunjungi pameran ini yang melibatkan para pelajar sekolah, masyarakat umum, penceramah dan guru, kalangan saintis, pemimpin politik tempatan dan Asia Tenggara," katanya.